

Keperluan Kepada Pembangunan Model Aplikasi Mudah Alih Glosari Leksikal Budaya Qurani: Kajian Rintis

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 285-303
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 22 August 2025
Accepted: 22 September 2025
Published: 23 Oktober 2025

[The Necessity of Developing a Mobile Application Model For a Qur'anic Cultural Lexical Glossary: A Pilot Study]

Arnida A Bakar^{1*}, Lubna Abd Rahman¹, Wahida Mansor¹ & Nasimah Abdullah²

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: arnida@usim.edu.my

2 Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA. E-mail: nasimah@uis.edu.my

*Corresponding Author: arnida@usim.edu.my

Abstrak

Kedatangan Islam telah memberi kesan besar dalam mencorakkan kehidupan masyarakat yang dahulunya bukan penganut agama Samawi. Islam membawa risalah Ilahiah melalui al-Quran yang mengandungi pelbagai bentuk pedoman dan panduan untuk umat sejagat. Kandungan al-Quran tidak hanya terbatas kepada ajaran berkaitan akidah, syariah, akhlak dan ibadah yang wajib dipelajari dan diamalkan, malah turut merangkumi unsur linguistik, retorik serta budaya yang perlu ditaakul dan diteliti bagi memahami keistimewaan kitab suci ini. Unsur budaya yang terdapat dalam al-Quran wajar diteroka daripada sudut maknanya, namun perbezaan budaya antara bahasa Arab dan bahasa Melayu menimbulkan cabaran kepada masyarakat bukan penutur Arab untuk menguasainya secara mendalam. Berdasarkan realiti ini, kajian ini dijalankan untuk meneliti keperluan pembangunan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani. Memandangkan al-Quran sarat dengan pelbagai leksikal yang memuatkan unsur budaya, usaha memahami makna yang terkandung di dalamnya menjadi suatu keperluan. Sehingga kini, penulisan akademik berkaitan budaya Qurani lebih bersifat konseptual, justeru kajian ini berusaha memanifestasikannya dalam bentuk praktikal dengan membangunkan glosari tersebut sebagai aplikasi mudah alih. Projek inovasi ini dilihat berpotensi untuk dikomersialkan, khususnya kepada masyarakat Islam yang berminat mendalami pengajian Islam dan bidang terjemahan. Walau bagaimanapun, analisis keperluan terhadap pembangunan aplikasi ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pembinaan instrumen soal selidik, diikuti pelaksanaan kajian rintis bagi mendapatkan data awal. Kajian rintis yang melibatkan 40 orang responden dijalankan bagi mengukur kebolehpercayaan item soal selidik yang dibina. Hasil kajian menunjukkan bahawa instrumen tersebut mencapai tahap kebolehpercayaan yang memuaskan, sekali gus sesuai digunakan untuk kajian sebenar. Oleh itu, kajian ini akan diteruskan dengan langkah seterusnya iaitu pembangunan prototaip aplikasi glosari leksikal budaya Qurani.

Kata kunci: kajian rintis, pembangunan aplikasi mudah alih, glosari, leksikal, budaya Qurani

Abstract

The advent of Islam has exerted a profound influence in shaping the societal life of communities who were previously not adherents of an Abrahamic faith. Islam conveys a divine message through the Qur'an, which encompasses a wide array of guidance and directives for all of humanity. The content

of the Qur'an is not confined solely to doctrines pertaining to faith, jurisprudence, ethics, and acts of worship—which are obligatory to learn and practice—but also incorporates linguistic, rhetorical, and cultural elements that require intellectual engagement and careful study to comprehend the distinctive qualities of this sacred text. The cultural dimensions present in the Qur'an ought to be explored from a semantic perspective; however, the cultural divergence between the Arabic and Malay languages poses a challenge for non-Arabic speakers to attain a deep mastery of its meaning. Considering this reality, this study is conducted to examine the necessity of developing a mobile application for a glossary of Qur'anic cultural lexicon. Given that the Qur'an is rich with diverse lexical items embedded with cultural significance, the endeavour to grasp their underlying meanings becomes imperative. To date, academic writings on Qur'anic culture have been largely conceptual; hence, this study seeks to actualize such scholarship in practical form by developing the glossary as a mobile application. This innovative project demonstrates potential for commercialization, particularly among Muslims with an interest in deepening their Islamic studies and engaging in the field of translation. Nevertheless, a needs analysis for the development of this application must first be carried out. This study employs a quantitative approach through the construction of a questionnaire instrument, followed by a pilot study to obtain preliminary data. The pilot study, involving 40 respondents, was conducted to assess the reliability of the constructed questionnaire items. The findings indicate that the instrument has achieved a satisfactory level of reliability, rendering it suitable for use in the actual study. Consequently, this research will proceed to the subsequent phase: the development of a prototype for the mobile application of the Qur'anic cultural lexical glossary.

Keywords: Pilot Study, Mobile Application Development, Glossary, Lexical, Qur'anic Culture



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Arnida A Bakar, Lubna Abd Rahman, Wahida Mansor & Nasimah Abdullah. (2025). Keperluan Kepada Pembangunan Model Aplikasi Mudah Alih Glosari Leksikal Budaya Qurani: Kajian Rintis [The Necessity of Developing a Mobile Application Model For a Qur'anic Cultural Lexical Glossary: A Pilot Study]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 285-303.

Pengenalan

Islam sebagai agama Samawi terakhir telah membawa risalah *Ilahiyyah* melalui al-Quran yang menjadi sumber utama rujukan umat Islam. Kandungan al-Quran tidak hanya terbatas kepada aspek akidah, syariah, akhlak dan ibadah, malah turut merangkumi unsur linguistik, retorik serta budaya (Abdel-Haleem, 1992; Abdul-Raof, 2007; Bashir et al., 2023) yang kompleks yang memperlihatkan keindahan dan keistimewaannya sebagai kitab suci. Menurut Izutsu (2002), medan semantik istilah Qurani mencerminkan bukan sekadar ajaran agama, tetapi juga pandangan dunia budaya Arab pada zaman penurunannya. Dari sudut retorik, Haleem (1992) menegaskan bahawa fenomena *iltifāt* atau peralihan tatabahasa dalam al-Quran berfungsi sebagai strategi retorik untuk menimbulkan kesan stilistik yang mendalam. Hal ini turut disokong oleh Abdul-Raof (2007) yang menekankan bahawa variasi gaya bahasa dalam genre

Qurani memperlihatkan kepelbagaian ekspresi stilistik yang bernilai tinggi. Selain itu, Neuwirth (2019) menempatkan al-Quran dalam kerangka budaya dan sastra yang memperkuat pemahaman terhadap kandungan linguistik dan budayanya.

Oleh itu, unsur budaya yang terkandung dalam al-Quran menjadi elemen penting untuk diteliti kerana ia bukan sahaja menggambarkan kehidupan masyarakat Arab ketika penurunan wahyu, tetapi juga memperkayakan pemahaman umat Islam terhadap mesej dan pengajaran yang disampaikan. Kefahaman terhadap dimensi budaya ini berperanan besar dalam memastikan pentafsiran dan penterjemahan al-Quran dapat dilakukan dengan lebih tepat dan berautoriti. Sehubungan itu, sebagaimana diuraikan oleh Abdul-Raof (2013), aspek wacana, tekstur, dan gaya bahasa Qurani perlu diberi perhatian kerana ia turut membawa cabaran tersendiri dalam penterjemahan yang melibatkan dimensi linguistik dan budaya.

Walau bagaimanapun, perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari segi latar budaya menimbulkan cabaran kepada masyarakat bukan penutur Arab untuk memahami makna sebenar leksikal budaya Qurani. Sebagai contoh, banyak istilah dalam al-Quran yang membawa konotasi budaya tertentu yang sukar difahami tanpa merujuk kepada konteks asal Arab. Contohnya, Bakar et al. (2025) membincangkan budaya ekologi pada beberapa perkataan di dalam al-Quran seperti (الْوَادِ الْمُقَدَّسِ) dari ayat 16 surah al-Nāzi'āt, (قُضِبًا) dari ayat 28 surah 'Abasa, (نَافَاة) dari ayat 13 surah al-Shams, (الْعَدِيَّتِ) dari ayat 1 surah al-Ādiyāt serta (الْفَرَّاشِ) dari ayat 4 surah Al-Qāri'ah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat makna denotasi yang tidak mampu sepenuhnya menggambarkan budaya khusus yang terkandung dalam Al-Quran disebabkan tiada padanan langsung dalam bahasa Melayu bagi menjelaskan makna budaya ekologi tersebut.

Kajian-kajian lepas berkaitan budaya Qurani didapati lebih menekankan aspek konseptual dan teoretikal, sedangkan aplikasi interaktif berfokus budaya yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh masyarakat masih sangat terhad (Bashir, 2023; Wahid, 2024). Hal ini mewujudkan jurang pengetahuan yang perlu ditangani bagi menyokong usaha memperkasakan kefahaman al-Quran dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari. Dengan erti kata lain, masih tiada platform digital yang mengintegrasikan elemen linguistik, budaya dan teknologi dalam bentuk glosari interaktif untuk membantu pengguna memahami istilah budaya Qurani secara kontekstual. Menurut Mohamed dan Shokry (2022), walaupun terdapat alat semantik, namun tiada penyelesaian komprehensif yang menggabungkan penjelasan budaya kontekstual dalam bentuk glosari mudah alih. Ketiadaan inovasi ini membataskan capaian masyarakat umum terhadap makna budaya al-Quran secara efektif dan keadaan ini sudah pasti menjustifikasikan keperluan kajian ini iaitu membangunkan model aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani.

Seiring dengan revolusi teknologi dan corak pembelajaran Islam digital, aplikasi mudah alih semakin menjadi medium penting dalam memperkasakan kefahaman teks al-Quran, khususnya dalam kalangan generasi muda Muslim (Wahid, 2024; Salameh, Al-Obeidat, & Al-Khatib, 2024). Oleh itu, pembangunan aplikasi mudah alih berpotensi menjadi medium inovatif dalam memperkenalkan dan menjelaskan leksikal budaya Qurani. Aplikasi berbentuk glosari bukan sahaja boleh berfungsi sebagai rujukan pantas, malah mampu memberikan kefahaman yang lebih interaktif dan mesra pengguna. Potensi komersialisasi inovasi ini juga tinggi kerana ia dapat dimanfaatkan oleh pelajar, penyelidik, penterjemah serta masyarakat umum yang ingin mendalami pengajian Islam. Walau bagaimanapun, sebelum pembinaan prototaip aplikasi

dijalankan, analisis keperluan perlu dilaksanakan bagi memastikan aplikasi yang dibangunkan benar-benar memenuhi kehendak pengguna.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai keperluan pengguna terhadap pembangunan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani melalui kajian rintis yang menilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang dibangunkan. Dapatan daripada kajian rintis ini dapat menyediakan asas kukuh untuk pelaksanaan kajian sebenar dan seterusnya membolehkan pembinaan prototaip aplikasi dijalankan pada fasa berikutnya.

Tinjauan Literatur

Perbincangan tinjauan literatur dibahagikan kepada dua aspek utama iaitu i) budaya dalam al-Quran dan ii) aplikasi mudah alih berkaitan budaya dalam al-Quran.

Budaya dalam al-Quran

Budaya merupakan salah satu aspek penting dalam proses penterjemahan teks, termasuk teks al-Quran yang sarat dengan dimensi budaya. Menurut Newmark (1988), budaya dapat ditakrifkan sebagai keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat yang membentuk identiti kolektif mereka. Definisi ini memberi isyarat bahawa setiap masyarakat memiliki sistem budaya yang unik, yang terhasil daripada latar bahasa, sejarah dan nilai sosial yang berbeza. Hal ini turut ditegaskan oleh Katan (2014) yang menjelaskan bahawa perbezaan budaya menentukan bagaimana sesuatu mesej ditafsirkan dan difahami dalam komuniti yang berbeza. Dalam konteks penterjemahan al-Quran, pemahaman terhadap unsur budaya menjadi aspek yang kritikal kerana banyak istilah Qurani membawa makna yang berkait rapat dengan konteks budaya Arab ketika penurunan wahyu. Justeru, dalam konteks al-Quran, penterjemahan serta penghuraian unsur budaya perlu diberi penekanan bagi memastikan umat Islam dapat memahami mesej Ilahi dalam kerangka konteks budaya asalnya. Hal ini penting kerana, seperti yang ditegaskan oleh Nida (2001), pemahaman terhadap latar budaya merupakan syarat asas untuk menghasilkan terjemahan yang bukan sahaja tepat secara linguistik, tetapi juga sahih dari segi makna dan fungsi komunikatif. Oleh itu, penterjemahan dan penghuraian unsur budaya dalam al-Quran perlu diketengahkan agar masyarakat Islam, khususnya yang bukan penutur bahasa Arab, dapat memahami mesej al-Quran dalam kerangka konteks budaya yang sahih.

Antara kajian awal tentang unsur budaya al-Quran ialah kajian oleh Bakar et al. (2017) yang meninjau penterjemahan makna unsur budaya dalam surah al-Baqarah. Kajian ini mendapati bahawa penterjemahan tersebut secara umumnya menggunakan pendekatan literal dan peminjaman bagi mengekalkan unsur budaya bahasa sumber agar makna tidak diseleweng atau ditafsir secara sewenang-wenangnya, memandangkan teks yang diterjemah ialah kitab suci al-Quran. Selain itu, teknik peluasan turut digunakan untuk memberi kefahaman dan menyediakan rujukan lanjutan seperti tafsir al-Quran.

Terdapat satu kajian mengenai unsur ekologi dalam al-Quran oleh Moh Shin et al. (2021) yang menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya ekologi fauna dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran oleh Abdullah Basmeih. Kajian ini mendapati penterjemah menggunakan lima prosedur terjemahan iaitu literal, pinjaman,

transposisi, persamaan dan penyesuaian, selain turut menggabungkan prosedur seperti literal dengan persamaan serta literal dengan transposisi. Kajian ini berbeza dengan penulisan ini yang memberi fokus kepada unsur budaya ekologi dalam al-Quran dari aspek makna denotasi dan konotasi.

Kajian Rahman et al. (2023) pula mengenal pasti unsur budaya sosial dalam al-Quran serta strategi penterjemahan yang digunakan untuk menanganinya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur budaya sosial dalam al-Quran tidak hanya boleh diterjemahkan secara literal, tetapi memerlukan pelbagai strategi seperti peminjaman, padanan fungsian, padanan deskriptif, modulasi dan penggunaan nota kaki. Penterjemah juga menggabungkan beberapa strategi dalam satu terjemahan bagi memastikan mesej budaya disampaikan dengan jelas kepada pembaca sasaran, terutamanya bagi konsep budaya yang tidak wujud dalam bahasa sasaran. Kajian ini menegaskan pentingnya memahami hubungan antara bahasa dan budaya untuk memastikan mesej al-Quran dapat disampaikan secara tepat dan difahami oleh pembaca.

Ketiga-tiga kajian oleh Bakar et al. (2017), Moh Shin et al. (2021) dan Rahman et al. (2023) ini jelas menunjukkan bahawa unsur budaya dalam al-Quran mempunyai kompleksiti yang tinggi dan memerlukan pelbagai strategi untuk diterjemahkan dengan tepat. Walau bagaimanapun, kesemua kajian ini berfokus kepada analisis teks terjemahan dan tafsir sedia ada tanpa menyediakan medium praktikal yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh khalayak pembaca atau pelajar. Hal ini menimbulkan jurang dari segi aksesibiliti pengetahuan budaya Qurani dalam bentuk yang lebih interaktif dan mudah dicapai.

Sehubungan itu, keperluan kepada analisis keperluan pembangunan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani menjadi signifikan, agar reka bentuk aplikasi yang dihasilkan kelak benar-benar menepati keperluan pengguna sasaran. Dalam konteks ini, pelaksanaan kajian rintis amat penting untuk mendapatkan data awal mengenai bentuk, fungsi dan kandungan aplikasi yang paling relevan. Kajian rintis ini bukan sahaja berperanan sebagai panduan teknikal dalam pembangunan aplikasi, tetapi juga sebagai asas empirikal untuk memastikan aplikasi yang dibangunkan mampu menyelesaikan cabaran kefahaman budaya Qurani yang telah dikenal pasti oleh kajian-kajian terdahulu.

Aplikasi Mudah Alih Berkaitan Budaya dalam Al-Quran

Perkembangan teknologi digital telah memberi impak besar terhadap cara masyarakat Muslim mendekati ilmu al-Quran. Transformasi daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan digital membuka peluang baharu dalam pembelajaran, penghafalan dan pemahaman teks suci ini. Penggunaan aplikasi mudah alih bukan sahaja menjadikan pengajian al-Quran lebih mudah diakses, malah turut memperkenalkan dimensi interaktif dan kolaboratif yang sesuai dengan gaya hidup masyarakat moden. Dalam konteks ini, integrasi unsur budaya dalam aplikasi al-Quran menjadi semakin penting kerana ia dapat membantu pengguna memahami konteks linguistik dan budaya yang terdapat dalam al-Quran dengan lebih mendalam serta kontekstual. Dalam bidang teknologi bahasa Arab dan pengajian al-Quran, pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk memahami struktur linguistik dan makna teks al-Quran secara sistematik. Dari sudut linguistik komputasi, kajian oleh Dukes et al. (2013) memperkenalkan pendekatan *supervised collaboration* dalam anotasi sintaksis melalui projek *Quranic Arabic Corpus*. Pendekatan ini menggabungkan kepakaran pakar bahasa dan sumbangan komuniti bagi

membina pangkalan data beranotasi yang memetakan struktur morfologi serta sintaksis setiap perkataan dalam al-Quran. Hasilnya, hubungan gramatikal dan semantik dapat dikenal pasti dengan lebih teratur, sekali gus membentuk asas penting bagi pembangunan model linguistik seperti *treebank* dan *ontology*. Dalam konteks pembangunan glosari leksikal budaya Qurani, kaedah ini boleh diaplikasikan untuk mengenal pasti dan menanda istilah yang membawa unsur budaya, sekali gus menghubungkan aspek linguistik dan budaya dalam aplikasi digital interaktif yang menyokong pembelajaran al-Quran secara lebih kontekstual.

Alqahtani dan Fayyumi (2015) pula menghasilkan aplikasi mudah alih yang direka khas untuk pengecaman dan pentafsiran ayat al-Quran menggunakan teknologi pengenalan imej dan pemprosesan digital. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memudahkan pengguna, khususnya pelajar dan masyarakat umum, mendapatkan maklumat mengenai pentafsiran dan makna ayat al-Quran dengan pantas hanya melalui pengimbasan imej atau teks ayat menggunakan peranti mudah alih. Aplikasi ini dibangunkan berasaskan kaedah *image processing* dan *database retrieval*, yang membolehkan pengguna mengenal pasti surah dan ayat tertentu serta mengakses tafsir dan terjemahannya dalam pelbagai bahasa. Kajian ini menjadi antara perintis dalam menggabungkan teknologi mudah alih dan teks al-Quran, seterusnya membuka ruang kepada pembangunan aplikasi berasaskan linguistik dan budaya Qurani yang lebih luas — termasuk glosari interaktif yang menghubungkan makna, konteks, dan nilai budaya ayat al-Quran.

Seterusnya, Bentrícia, Atwell dan Dukes (2018) meneliti hubungan semantik dalam teks Arab al-Quran dengan menggunakan kaedah *semantic relation extraction* untuk mengenal pasti jaringan makna antara perkataan dan konsep Qurani. Kajian ini membina model hubungan leksikal seperti sinonimi, hiponimi dan relasi konseptual yang mencerminkan struktur makna dalaman teks wahyu. Penemuan mereka membuktikan bahawa makna dalam al-Quran bergantung pada konteks budaya dan linguistik, sekali gus menonjolkan keperluan glosari budaya yang bersifat kontekstual dan sistematik.

Sementara itu, Mohamed dan Shokry (2022) memperkenalkan *Quranic Semantic Search Tool (QSST)* yang menggunakan model *word embedding* untuk membolehkan pencarian makna berasaskan konsep. Kajian ini membuktikan potensi teknologi semantik dalam membina glosari atau sistem rujukan al-Quran yang lebih intuitif serta boleh dijadikan asas kepada pembangunan glosari budaya Qurani, manakala Bashir et al. (2023) menyorot pelbagai pendekatan pemprosesan bahasa semula jadi (*Natural Language Processing, NLP*) yang telah diaplikasikan untuk menganalisis struktur morfologi, sintaksis dan semantik teks al-Quran. Walaupun kaedah ini berpotensi menjelaskan makna dan konteks ayat dengan lebih mendalam, pendekatan tersebut masih belum diterjemahkan ke dalam bentuk aplikasi interaktif yang mesra pengguna.

Isa et al. (2023) pula melaksanakan *systematic literature review* terhadap aplikasi mudah alih al-Quran yang diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus dan mengenal pasti tema utama seperti pembelajaran, hafazan, pengalaman pengguna serta penggunaan teknologi interaktif. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai inovasi dalam pembangunan aplikasi digital al-Quran, aspek budaya dan linguistik masih belum diberi perhatian sewajarnya. Seiring dengan itu, Wahid (2024) menegaskan bahawa terdapat peningkatan ketara dalam penyelidikan berkaitan Islam dan teknologi digital, khususnya dalam konteks pendidikan dan pembelajaran al-Quran. Namun begitu, analisis bibliometrik beliau

mendapati tumpuan utama penyelidikan masih berlegar pada aspek teknikal dan fungsi asas seperti bacaan dan hafazan, manakala dimensi budaya Qurani kurang diteroka secara mendalam.

Dalam konteks pengguna bukan penutur Arab, Salameh et al. (2024) membangunkan dataset audio bacaan al-Quran melalui kaedah *crowdsourcing* untuk menyokong pembinaan aplikasi pembelajaran interaktif yang bersifat global. Hasil kajian mereka menekankan kepentingan reka bentuk aplikasi yang adaptif terhadap keperluan pelajar antarabangsa dan bukan penutur asli bahasa Arab.

Selain itu, kajian Pradana et al (2024) menekankan potensi integrasi *Quran Arabic Corpus* dalam pembangunan aplikasi mudah alih bagi memperkukuh pembelajaran kosa kata Arab berasaskan teks al-Quran. Melalui pendekatan reka bentuk berpusatkan pelajar, aplikasi ini dibangunkan untuk membantu pengguna memahami makna perkataan dalam konteks ayat al-Quran secara lebih intuitif dan interaktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa integrasi korpus digital Qurani mampu meningkatkan motivasi dan kefahaman pengguna, khususnya pelajar bukan penutur Arab, melalui paparan makna, contoh ayat dan hubungan semantik perkataan yang tepat.

Penemuan ini amat signifikan kerana ia membuktikan keberkesanan penggunaan teknologi linguistik al-Quran dalam membina aplikasi pembelajaran yang kontekstual dan berasaskan data sebenar. Pendekatan ini boleh dijadikan model dalam pembangunan glosari leksikal budaya Qurani, yang bukan sahaja menekankan kefahaman linguistik, tetapi turut mengintegrasikan unsur budaya yang terkandung dalam istilah Qurani. Dengan demikian, aplikasi seumpama ini dapat berfungsi sebagai medium pembelajaran digital yang memperkaya pengalaman pengguna terhadap bahasa dan budaya al-Quran.

Secara keseluruhannya, perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan ketara dalam landskap pembelajaran dan penyelidikan Islam. Meskipun pelbagai inovasi telah dihasilkan dalam bidang aplikasi mudah alih Qurani, penyelidikan menunjukkan bahawa belum wujud platform digital yang secara menyeluruh menggabungkan elemen linguistik, budaya dan teknologi dalam bentuk glosari interaktif. Jurang inilah yang membuka ruang untuk pembangunan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani, satu inisiatif yang bukan sahaja akan memperkaya kefahaman pengguna terhadap istilah budaya al-Quran, tetapi juga menyumbang kepada transformasi pengajian Islam dalam era digital.

Metodologi Kajian

Kajian rintis ini bertujuan meneliti keperluan pembangunan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pembinaan instrumen soal selidik yang diedarkan secara pensampelan rawak. Data ini dianalisis menggunakan kaedah deskriptif.

Instrumen soal selidik mengandungi empat (4) bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi responden, Bahagian B berkaitan dengan pengetahuan responden tentang unsur budaya Qurani yang hanya mengukur kefahaman berdasarkan skala Guttman (1944), yang mempunyai dua pilihan jawapan, iaitu YA atau Tidak. Manakala Bahagian C berkaitan dengan tinjauan terhadap pemahaman makna unsur budaya

Quran dalam bahasa Melayu, dan Bahagian D berkaitan dengan keperluan kepada pembangunan model aplikasi mudah alih unsur budaya Quran. Format instrumen soal selidik pada Bahagian C dan D adalah merujuk kepada empat (4) mata skala Likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Kajian rintis ini penting untuk melihat kesesuaian soal selidik kajian yang digunakan kepada responden kajian sebenar selain untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan pekali *Cronbach's Alpha* yang mempunyai nilai di antara 0.7 hingga 0.9 (George & Mallery, 2012).

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 40 orang responden untuk menguji kebolehpercayaan item soal selidik yang dibangunkan sebelum diedarkan kepada responden sebenar. Ujian kebolehpercayaan dilakukan terhadap pernyataan Bahagian C berkaitan dengan tahap pemahaman makna unsur budaya Quran dalam bahasa Melayu dan Bahagian D iaitu tahap keperluan kepada pembangunan model aplikasi mudah alih unsur budaya Quran bagi memastikan item-item yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai *Cronbach's Alpha* yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0 menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap yang baik dan diterima, manakala sebaliknya jika nilai julat menghampiri 0.00 menggambarkan tahap kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap yang rendah dan kurang memuaskan. Jadual 1 di bawah menunjukkan jadual interpretasi skor kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Jadual Interpretasi Skor Kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha*

Skor Cronbach's Alpha	Interpretasi Kebolehpercayaan
$0.9 \leq \alpha$	Sangat baik
$0.8 \leq \alpha < 0.9$	Baik
$0.7 \leq \alpha < 0.8$	Boleh diterima
$0.6 \leq \alpha < 0.7$	Kurang memuaskan
$0.5 \leq \alpha < 0.6$	Rendah
$\alpha < 0.5$	Tidak boleh diterima / item perlu digugurkan

(Sumber: George & Mallery, 2003)

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini dapat dilihat melalui nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha seperti dalam Jadual 2. Hasil analisis mendapati nilai pekali Cronbach's Alpha bagi konstruk "Pemahaman Makna Unsur Budaya Quran dalam Bahasa Melayu" berada pada nilai Cronbach's Alpha .826 dan konstruk "Keperluan kepada Pembangunan Model Aplikasi Mudah Alih Unsur Budaya Quran" berada pada nilai Cronbach's Alpha .868. Ini menunjukkan kedua-dua konstruk dalam instrumen ini mencapai nilai kebolehpercayaan yang baik sekali gus boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Pembolehubah	Bilangan Item	Nilai Cronbach's Alpha	Interpretasi
Pemahaman Makna Unsur Budaya Quran dalam Bahasa Melayu	9	.826	Baik
Keperluan kepada Pembangunan Model Aplikasi mudah alih Unsur Budaya Quran	7	.868	Baik

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membahagikan perbincangan kepada empat (4) bahagian utama yang merangkumi analisis terhadap empat bahagian soal selidik yang dibina dalam borang.

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi responden yang memuatkan tiga (3) soalan iaitu i), umur, ii) jantina dan iii) latar belakang pendidikan.

Jadual 3: Demografi Responden

					Kekerapan	%
Umur	18-25				39	97.5%
	26-35				1	2.5%
	36-45				0	0.0%
	46-55				0	0.0%
	56 ke atas				0	0.0%
Jantina	Lelaki				12	30.0%
	Perempuan				28	70.0%
Latar belakang Pendidikan		Pengajian Bahasa Arab (Pengajian Terjemahan)	Arab	27	67.5%	
		Pengajian Bahasa Arab (Sastera)	Arab	2	5.0%	
		Pengajian Bahasa Arab (Pengajaran Bahasa Kedua)	Arab	6	15.0%	
		Pengajian Bahasa Arab (Komunikasi)	Arab	5	12.5%	
		Pengajian Islam		0	0.0%	
		Lain-lain		0	0.0%	
Adakah anda berminat untuk mengetahui terjemahan makna ayat-ayat al-Quran?	Ya			40	100.0%	
	Tidak			0	0.0%	

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan muda yang berumur antara 18 hingga 25 tahun, iaitu seramai 39 orang (97.5%). Hanya seorang responden (2.5%) berada dalam lingkungan umur 26 hingga 35 tahun. Kajian turut mendapati bahawa tiada responden yang melebihi umur 36 tahun direkodkan dalam demografi ini. Jika ditinjau dari aspek jantina pula, responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki, iaitu 28 orang (70%) berbanding 12 orang (30%).

Seterusnya, analisis terhadap latar belakang pendidikan mendapati bahawa sebahagian besar responden mempunyai latar belakang dalam bidang Pengajian Bahasa Arab (Pengajian Terjemahan) iaitu seramai 27 orang (67.5%). Disusuli pula dengan sejumlah kecil responden mengikuti bidang Pengajian Bahasa Arab, pengkhususan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua iaitu seramai 6 orang (15%), diikuti oleh Pengajian Bahasa Arab (Komunikasi) dengan bilangan responden seramai 5 orang (12.5%), serta Pengajian Bahasa Arab (Sastera) seramai 2 orang responden sahaja direkodkan (5%). Hasil analisis juga mendapati tiada responden yang terdiri daripada bidang Pengajian Islam atau bidang lain. Selain itu, kesemua responden (100%) menyatakan minat mereka untuk mengetahui terjemahan makna ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, tiada responden terlibat bagi pernyataan yang sebaliknya.

Dapatan ini menunjukkan bahawa 40 responden ini mempunyai kecenderungan tinggi untuk mengetahui dan memahami aspek terjemahan makna ayat-ayat al-Quran. Justeru, hal ini boleh dijadikan asas penting dalam kajian berkaitan pengajian terjemahan teks al-Quran, seterusnya menguatkan lagi keperluan membangunkan satu aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Bahagian B: Pengetahuan Responden tentang Unsur Budaya Qurani

Bahagian B mengandungi tujuh (7) soalan yang melibatkan kefahaman responden tentang unsur budaya di dalam al-Quran yang memerlukan responden menjawab YA atau Tidak.

Jadual 4: Pengetahuan Responden tentang Unsur Budaya Qurani

Bil	Ayat al-Quran dan Terjemahan Literal	Kefahaman	Kekerapan	%
1	وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا ﴿الإِسْرَاءُ: 29﴾ مَحْسُورًا	Ya	30	75.0%
	Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, ...	Tidak	10	25.0%
2	يَوْمَ يَرَوْنَ الْمَلَائِكَةَ لَا بُشْرَىٰ يَوْمَئِذٍ لِلْمُجْرِمِينَ وَيَقُولُونَ حَجْرًا مَّحْجُورًا ﴿الْفِرْقَانِ: 22﴾	Ya	24	60.0%
	(Ingatkanlah) hari mereka melihat malaikat, pada hari itu tiadalah sebarang berita gembira bagi orang-orang yang bersalah (bahkan sebaliknya), dan mereka akan berkata: "Semoga kita jauh – dijauhkan."	Tidak	16	40.0%

3	لا تَمُدَّنْ عَيْنَكَ إِلَى مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَخَفَضْنَا ﴿الحجر: 88﴾ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ Janganlah engkau menunjukan pandanganmu kepada nikmat kesenangan yang kami berikan kepada beberapa golongan di antara mereka dan janganlah engkau merasa dukacita terhadap mereka <u>dan hendaklah engkau merendahkan sayapmu</u> kepada orang-orang yang beriman.	Ya	25	62.5%
		Tidak	15	37.5%
4	فَقَالَ إِنِّي أَحْبَبْتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ ﴿ص: 32﴾ maka dia berkata: "Sesungguhnya aku telah mengutamakan kesukaanku kepada kebaikan lebih daripada mengingat Tuhanku, <u>sehingga terlindung dengan tirai</u>.	Ya	25	62.5%
		Tidak	15	37.5%
5	﴿الشعراء: 193﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ Ia dibawa turun oleh <u>roh yang setia</u>.	Ya	22	55.0%
		Tidak	18	45.0%
6	الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَنكِرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿التوبة: 67﴾ Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, <u>dan mereka pula menggenggam tangannya...</u>	Ya	32	80.0%
		Tidak	8	20.0%
7	رَجَسَ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنصَابُ وَالْأَزْلَامُ ﴿المائدة: 90﴾ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, <u>dan batang-batang anak panah</u>, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.	Ya	27	67.5%
		Tidak	13	32.5%

Berdasarkan Jadual 4, tahap pengetahuan responden terhadap unsur budaya Qurani memperlihatkan variasi kefahaman mengikut ayat al-Quran yang dikemukakan. Secara umumnya, majoriti responden menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi, namun terdapat juga sebahagian kecil dalam kalangan mereka yang kurang memahami maksud ayat-ayat tersebut.

Bagi soalan pertama yang merujuk kepada Surah al-Isra' ayat 29, seramai 30 orang responden (75%) menunjukkan kefahaman mereka terhadap larangan mempunyai dua sifat ini iaitu terlalu kikir dan terlalu pemurah (al-Kalam, 2012), manakala hanya 10 orang responden (25%) tidak memahaminya. Bagi soalan kedua pula, iaitu berkaitan Surah al-Furqan ayat 22, seramai 24 orang responden (60%) memahami mesej yang hendak disampaikan iaitu satu

ungkapan yang bermaksud semoga terhindar daripada suatu bahaya atau malapetaka (al-Kalam, 2012), manakala 16 orang responden (40%) tidak menunjukkan kefahaman terhadap maksud tersebut.

Seterusnya, soalan ketiga berkenaan Surah al-Hijr ayat 88 mendapati bahawa 25 orang responden (62.5%) memahami mengenai seruan perbuatan berendah diri (al-Kalam, 2012) terhadap orang yang beriman, sementara 15 orang responden (37.5%) tidak memahaminya. Pola yang sama turut diperlihatkan dalam soalan keempat berdasarkan Surah al-Sad ayat 32, dengan 25 orang responden (62.5%) memahami mesej ayat tersebut iaitu sampai matahari terbenam (al-Kalam, 2012), dan 15 orang responden (37.5%) menyatakan jawapan sebaliknya. Bagi soalan kelima yang merujuk kepada Surah al-Syu'ara' ayat 193, dapatan menunjukkan tahap kefahaman yang lebih tinggi apabila 22 orang responden (55%) memahami maksudnya iaitu merujuk kepada Jibrail (al-Kalam, 2012), manakala 18 orang responden (45%) memberikan jawapan tidak. Soalan keenam yang dikaitkan dengan Surah al-Taubah ayat 67 memperlihatkan tahap kefahaman yang paling tinggi, di mana seramai 32 orang responden (80%) memahami mesej iaitu kikir (al-Kalam, 2012), manakala hanya 8 orang responden (20%) tidak memahaminya. Bagi soalan yang terakhir, iaitu merujuk kepada Surah al-Maidah ayat 90, seramai 27 orang responden (67.5%) memahami maksud iaitu larangan mengundi nasib dengan anak panah (al-Kalam, 2012), manakala 13 orang responden (32.5%) tidak memahami maksud tersebut.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan responden terhadap unsur budaya Qurani adalah pada tahap yang baik, seperti pada ayat-ayat yang berkaitan dengan aspek akhlak dan larangan amalan keji dan buruk. Walau bagaimanapun, masih terdapat peratusan tertentu responden yang kurang memahami mesej tertentu, sekali gus menunjukkan bahawa terdapat keperluan kepada memahami aspek terjemahan makna ayat-ayat al-Quran dengan lebih mendalam bagi memastikan kefahaman yang lebih menyeluruh dapat dicapai dalam kalangan masyarakat khususnya terhadap terjemahan makna unsur budaya Quran.

Bahagian C: Tinjauan terhadap Pemahaman Makna Unsur Budaya Quran dalam Bahasa Melayu

Bahagian C berkaitan dengan tinjauan terhadap pemahaman makna unsur budaya Quran dalam bahasa Melayu yang memuatkan sembilan (9) pernyataan.

Jadual 5: Tahap Pemahaman Makna Unsur Budaya Quran dalam Bahasa Melayu

Item	STS	TS	S	SS	Mean	SP
1. Saya mengetahui terdapat unsur budaya dalam Al-Quran.	0 0.0%	1 2.5%	19 47.5%	20 50.0%	3.48	.554
2. Saya mengetahui kepentingan memahami makna unsur budaya dalam al Quran.	0 0.0%	4 10.0%	12 30.0%	24 60.0%	3.50	.679
3. Saya mengetahui bahawa	0	0	17	23	3.58	.501

memahami konteks penting dalam interpretasi ayat-ayat Al-Quran yang mengandung unsur budaya.	0.0%	0.0%	42.5%	57.5%		
4. Saya perlu mengetahui makna unsur budaya dalam Al-Quran untuk memahami maksud ayat.	0	0	12	28	3.70	.464
	0.0%	0.0%	30.0%	70.0%		
5. Terjemahan literal makna unsur budaya dalam Al-Quran perlu diberi keterangan atau penjelasan makna sebenar.	0	1	13	26	3.63	.540
	0.0%	2.5%	32.5%	65.0%		
6. Saya dapat memahami terjemahan unsur budaya dalam Al-Quran yang mempunyai keterangan atau penjelasan makna sebenar.	1	2	13	24	3.50	.716
	2.5%	5.0%	32.5%	60.0%		
7. Unsur budaya Quran tanpa penjelasan atau keterangan makna sebenar boleh menyebabkan salah faham dalam memahami isi kandungan Al-Quran.	0	0	11	29	3.73	.452
	0.0%	0.0%	27.5%	72.5%		
8. Kesedaran untuk memahami makna sebenar unsur budaya dalam Al-Quran perlu diperluaskan kepada masyarakat.	0	0	12	28	3.70	.464
	0.0%	0.0%	30.0%	70.0%		
9. Saya mengetahui terdapat kategori bagi unsur budaya dalam al-Quran.	3	2	17	18	3.25	.870
	7.5%	5.0%	42.5%	45.0%		
Keseluruhan					3.56	.387

Jadual 5 memperincikan tahap pemahaman responden terhadap terjemahan makna unsur budaya yang terdapat dalam al-Quran melalui sembilan item soal selidik yang menggunakan skala Likert empat mata (STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju). Secara keseluruhannya, tahap pemahaman responden adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 3.56 (SP = 0.387), berkaitan kesedaran serta penghayatan yang positif terhadap aspek budaya dan terjemahannya berserta pentafsirannya.

Bagi item pertama, berkenaan pengetahuan bahawa terdapat unsur budaya dalam al-Quran, 97.5% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan skor min 3.48 (SP = 0.554). Seterusnya, item kedua berkaitan dengan kepentingan memahami makna unsur budaya dalam al-Quran turut memperoleh persetujuan yang tinggi iaitu (90%), dengan skor min 3.50 (SP = 0.679). Hal ini membuktikan bahawa majoriti responden menyedari kewujudan unsur budaya serta kepentingannya dalam mencapai kefahaman yang tepat.

Item ketiga yang menekankan kepentingan konteks dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur budaya memperlihatkan persetujuan penuh (100%), dengan skor min 3.58 (SP = 0.501). Begitu juga item keempat, iaitu keperluan mengetahui makna unsur budaya untuk memahami maksud sebenar ayat, turut mendapat persetujuan menyeluruh (100%) dengan skor min tertinggi 3.70 (SP = 0.464). Kedua-dua dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pengetahuan konteks dan pemahaman budaya merupakan faktor penting dalam proses memahami makna unsur budaya Quran dalam bahasa Melayu.

Bagi item kelima pula, kenyataan berkaitan keperluan memberi keterangan atau penjelasan terhadap terjemahan literal unsur budaya, 97.5% responden bersetuju atau sangat bersetuju dengan skor min 3.63 (SP = 0.540). Hal ini menunjukkan pengakuan jelas bahawa terjemahan literal semata-mata tidak memadai tanpa penjelasan tambahan. Item keenam, iaitu kebolehan memahami terjemahan unsur budaya al-Quran yang disertai penjelasan makna sebenar, turut mendapat persetujuan yang tinggi (92.5%), dengan skor min 3.50 (SP = 0.716).

Seterusnya, item ketujuh yang menekankan bahawa ketiadaan penjelasan terhadap unsur budaya boleh membawa kepada salah faham dalam memahami kandungan al-Quran, mencatatkan skor min kedua tertinggi 3.73 (SP = 0.452), dengan persetujuan penuh daripada responden (100%). Item kelapan juga menunjukkan dapatan yang selari, iaitu 100% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa kesedaran memahami makna sebenar unsur budaya perlu diperluaskan kepada masyarakat, dengan skor min 3.70 (SP = 0.464). Kedua-dua dapatan ini mencerminkan kesedaran kolektif terhadap kepentingan penyebaran ilmu yang lebih meluas bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat umum khususnya berkaitan pemahaman terjemahan makna unsur budaya Quran.

Walau bagaimanapun, item kesembilan menunjukkan tahap pengetahuan yang lebih sederhana berbanding item lain. Hanya 87.5% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui terdapat kategori bagi unsur budaya al-Quran, dengan skor min 3.25 (SP = 0.870). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kesedaran umum terhadap kewujudan unsur budaya dalam al-Quran adalah tinggi, namun maklumat berkaitan pengkategorian masih kurang dan memerlukan pengukuhan serta penyebaran maklumat tersebut.

Secara keseluruhannya, analisis Jadual 5 menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap makna unsur budaya al-Quran. Mereka bukan sahaja menyedari kewujudan dan kepentingan unsur budaya, tetapi juga menekankan keperluan konteks serta penjelasan tambahan dalam terjemahan bagi mengelakkan salah faham. Walaupun begitu, pengetahuan teknikal seperti pembahagian kategori unsur budaya masih berada pada tahap sederhana. Ini menandakan bahawa terdapat keperluan kepada pendedahan dan pendidikan lanjut dalam aspek ini iaitu dengan membangunkan satu aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Bahagian D: Keperluan kepada Pembangunan Model Aplikasi Mudah Alih Unsur Budaya Quran

Bahagian D berkaitan dengan keperluan kepada pembangunan model aplikasi mudah alih unsur budaya Quran yang memuatkan tujuh (7) pernyataan.

Jadual 6: Tahap Keperluan Pembangunan Model Aplikasi Mudah Alih Unsur Budaya Quran

Item	STS	TS	S	SS	Mean	SP
1. Saya pernah menggunakan pendekatan teknologi untuk memahami makna ayat-ayat Al-Quran. (Contoh: Smart Quran, dan seumpamanya)	1 2.5%	1 2.5%	16 40.0%	22 55.0%	3.48	.679
2. Penggunaan pendekatan teknologi lebih memudahkan saya memahami makna ayat-ayat Al-Quran.	0 0.0%	1 2.5%	16 40.0%	23 57.5%	3.55	.552
3. Jika terdapat aplikasi mudah alih yang memuatkan terjemahan makna unsur budaya dalam Al-Quran, ia dapat membantu saya memahami makna yang sepadan dalam bahasa Melayu.	0 0.0%	0 0.0%	18 45.0%	22 55.0%	3.55	.504
4. Jika terdapat aplikasi mudah alih yang memaparkan kedua-dua makna literal dan konteks, ia dapat membantu saya memahami makna unsur budaya dalam al-Quran.	0 0.0%	0 0.0%	14 35.0%	26 65.0%	3.65	.483
5. Penggunaan aplikasi mudah alih dalam memahami makna ayat-ayat Al-Quran akan menjadi lebih mudah berbanding secara konvensional/tradisional.	1 2.5%	1 2.5%	16 40.0%	22 55.0%	3.48	.679
6. Pembinaan aplikasi mudah alih budaya Al-Quran dapat membantu saya dalam memahami makna unsur budaya dalam Al-Quran.	0 0.0%	0 0.0%	17 42.5%	23 57.5%	3.58	.501

7. Pembinaan aplikasi mudah alih budaya Al-Quran dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat.	0	0	15	25	3.63	.490
	0.0%	0.0%	37.5%	62.5%		
Keseluruhan					3.56	.419

Berdasarkan Jadual 6 di atas, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas yang sangat positif terhadap keperluan membangunkan satu aplikasi mudah alih berasaskan unsur budaya al-Quran dan terjemahannya.

Secara keseluruhan, nilai min yang diperoleh adalah 3.56 dengan sisihan piawai 0.419, yang menggambarkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden. Item pertama menunjukkan bahawa 95% responden (40% bersetuju dan 55% sangat bersetuju) pernah menggunakan pendekatan teknologi untuk memahami makna ayat-ayat al-Quran dengan min 3.48 (SP=.679). Seterusnya, item kedua mengukuhkan dapatan tersebut apabila 97.5% responden berpendapat penggunaan teknologi memudahkan pemahaman makna ayat al-Quran dengan min 3.55 (SP=.552).

Bagi item ketiga dan keempat, responden turut menekankan keperluan satu aplikasi mudah alih yang memuatkan terjemahan makna unsur budaya dalam al-Quran dalam bahasa Melayu berserta makna literal dan kontekstual, dengan nilai min masing-masing 3.55 (SP=.504) dan 3.65 (SP=.483). Hal ini jelas menunjukkan kecenderungan pengguna terhadap aplikasi yang bukan sahaja menyediakan terjemahan literal, tetapi juga mampu menyalurkan makna secara konteks budaya yang lebih mendalam melalui makna denotasi dan konotasi.

Selain itu, item kelima memperlihatkan bahawa 95% responden percaya penggunaan aplikasi mudah alih lebih mudah berbanding kaedah konvensional dalam memahami makna ayat al-Quran, dengan nilai min 3.48 (SP=.679). Sementara itu, item keenam menegaskan bahawa pembinaan aplikasi mudah alih berasaskan unsur budaya dalam al-Quran mampu membantu responden dalam memahaminya melalui terjemahan makna literal dan konteks, dengan nilai min 3.58 (SP=.501). Akhir sekali, item ketujuh mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.63 (SP=.490), yang menunjukkan keyakinan responden 100% (37.5% bersetuju, 62.5% sangat bersetuju) bahawa aplikasi mudah alih berasaskan budaya al-Quran boleh dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Secara keseluruhan, analisis ini membuktikan bahawa terdapat tahap keperluan yang tinggi terhadap pembangunan aplikasi mudah alih yang berfokus kepada unsur budaya al-Quran. Hal ini sejajar dengan perkembangan teknologi digital masa kini yang semakin mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat serta berpotensi besar menjadi medium alternatif dalam mendekatkan pengguna kepada pemahaman makna al-Quran secara lebih mendalam dan berkesan khususnya unsur budaya Qurani.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan muda yang mempunyai kecenderungan tinggi terhadap usaha memahami dan menguasai terjemahan makna ayat-ayat al-Quran, khususnya yang berkaitan dengan unsur

budaya Qurani. Tahap pengetahuan responden didapati berada pada tahap baik, dengan sebahagian besar memahami mesej ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan, meskipun terdapat segelintir yang kurang memahaminya. Analisis juga membuktikan bahawa responden bukan sahaja menyedari kewujudan unsur budaya dalam al-Quran, tetapi turut menekankan kepentingan konteks, penjelasan tambahan, serta kesedaran kolektif bagi mengelakkan salah tafsir dan salah faham dalam memahami makna unsur budaya tersebut.

Tambahan pula, tahap persetujuan yang tinggi terhadap keperluan pembangunan aplikasi mudah alih berasaskan unsur budaya Qurani memperlihatkan sokongan yang padu daripada responden. Mereka berpandangan bahawa aplikasi tersebut berpotensi besar untuk membantu memahami makna literal dan kontekstual al-Quran secara lebih mendalam, di samping dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pembinaan aplikasi mudah alih glosari leksikal budaya Qurani adalah satu keperluan yang mendesak dalam konteks semasa, seiring dengan perkembangan teknologi digital yang semakin mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat moden.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Pembangunan Inovasi (GPI) dengan kod projek PPPI/GPI/FPBU/USIM/15024.

Rujukan

- Abdel-Haleem, M. A. S. (1992). Grammatical shift for rhetorical purposes: *Iltifāt* and related features in the Qur'ān. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 55(3), 407–432. <https://doi.org/10.1017/S0041977X00003621>
- Abdul-Raof, H. (2007). On the stylistic variation in the Quranic genre. *Journal of Semitic Studies*, 52(1), 79–111.
- Abdul-Raof, H. (2007). On the stylistic variation in the Quranic genre. *Journal of Semitic Studies*, 52(1), 79–111. <https://doi.org/10.1093/jss/fgl039>
- Abdul-Raof, H. (2013). *Qur'an translation: Discourse, texture and exegesis*. Routledge.
- Al-Kalam Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. (2012). Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Alqahtani, M., & Fayyumi, A. (2015). Mobile application development for Quran verse recognition and interpretations. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 9(1), 19–22. <https://doi.org/10.3991/ijim.v9i1.4171>
- Bakar, A. A., Abd Rahman, L., Mansor, W., & Abdullah, N. (2025). Terjemahan unsur budaya ekologi dalam al-Quran: Kajian kes dari aspek makna denotasi dan konotasi. *Dalam Buku Prosiding Persidangan Serantau Pengajian Bahasa Arab Kali Pertama (ReCALS 2025)*, 17 Jun 2025, Universiti Islam Selangor (UIS).
- Bakar, A. A., Ramli, S., & Abd Rahman, L. (2017). Aspek semantik dalam terjemahan unsur budaya ke bahasa Melayu: Kajian dalam Surah Al-Baqarah. *E-Proceedings of The 4th International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. Penyunting: Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin, Norfaezah Mohd Hamidin & Md Noor Hussin. Penerbit UIS.

- Bashir, M. H., Azmi, A. M., Nawaz, H., et al. (2023). Arabic natural language processing for Qur'anic research: A systematic review. *Artificial Intelligence Review*, 56, 3471–3501. <https://doi.org/10.1007/s10462-022-10313-2>
- Bentrcia, R., Atwell, E., & Dukes, K. (2018). *Extracting semantic relations from Quranic Arabic text*. *Journal of King Saud University – Computer and Information Sciences*, 30(3), 412–420. <https://doi.org/10.1016/j.jksuci.2016.05.00>
- Dukes, K., Atwell, E., & Habash, N. (2013). *Supervised collaboration for syntactic annotation of Quranic Arabic*. *Language Resources and Evaluation*, 47(1), 33–62. <https://doi.org/10.1007/s10579-012-9172-2>
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference (11.0 update, 4th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Guttman, L. (1944). *A basis for scaling qualitative data*. *American Sociological Review*, 9(2), 139–150. <https://doi.org/10.2307/2086306>
- Haleem, M. A. (1992). Grammatical shift for rhetorical purposes: Itifāt and related features in the Qur'ān. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 55(3), 407–432.
- Isa, N. H. Mat, Abd Aziz, N. H., Ishak, M., Wan Azani Mustafa, & Abd Rahman, M. N. (2023). Quran mobile application: A structured review. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 34(2), 117–132. <https://doi.org/10.37934/araset.34.2.117132>
- Izutsu, T. (2002). *Ethico-religious concepts in the Qur'an* (Vol. 1). McGill-Queen's Press-MQUP.
- Katan, D. (2014). *Translating cultures: An introduction for translators, interpreters and mediators* (2nd ed.). Routledge.
- Mohamed, E. H., & Shokry, E. M. (2022). QSST: A Quranic semantic search tool based on word embedding. *Journal of King Saud University – Computer and Information Sciences*, 34(9), 7039–7048. <https://doi.org/10.1016/j.jksuci.2021.08.016>
- Moh Shin, A. J. A. I. B., Majid, M. A. B. A., & Husin, N. B. (2021). Prosedur terjemahan unsur budaya ekologi dalam al-Quran. *e-BANGI*, 18(4), 148–162.
- Neuwirth, A. (2019). *The Qur'an and late antiquity: A shared heritage*. Oxford University Press.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. New York: Prentice Hall.
- Nida, E. A. (2001). *Language and culture: Contexts in translating*. Shanghai Foreign Language Education Press.
- Pradana, R. F., Rahmah, N., Ridhani, D., & Aisyah, N. (2024). Enhancing Arabic vocabulary learning: Development of a mobile application integrating the Quran Arabic Corpus. *Alsinatuna: Journal of Arabic Linguistics and Education*, 10(1), 59–79. <https://doi.org/10.28918/alsinatuna.v10i1.8541>
- Rahman, N. E. A., Halim, Z. A., Hamid, M. F. A., Yahaya, M. F., & Sha'ari, S. H. (2023). Menangani unsur budaya sosial dalam penterjemahan al-Quran [Dealing with social cultural elements in the translation of the Quran]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 280–290.
- Salameh, R., Al-Obeidat, F., & Al-Khatib, H. (2024). Quranic audio dataset: Crowdsourced and labeled recitation from non-Arabic speakers. *Procedia Computer Science*, 246, 2684–2693. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2024.09.404>

Wahid, S. H. (2024). Exploring the intersection of Islam and digital technology: A bibliometric analysis. *Social Sciences & Humanities Open*, 10, 101085. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.101085>